

# KATALOG PAMERAN

## MANUSKRIP MELAYU ANTARABANGSA



KK  
011.31  
KAT

2-31 Oktober 1995

NR  
011.31  
KAT

520794  
520794  
520794

# KATALOG PAMERAN

---

## MANUSKRIP MELAYU ANTARABANGSA

---

*Manuskrip Melayu:  
Suatu Penghayatan Minda Melayu*

**2-31 Oktober 1995**

Perpustakaan Negara Malaysia  
1995

PERBADANAN PERPUSTAKAAN  
AWAM KELANTAN

25017

Cetakan Pertama 1995  
Hak cipta Perpustakaan Negara Malaysia, 1995

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu

Diterbitkan di Malaysia oleh  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Di cetak oleh  
MALINDO PRINTERS SDN. BHD.  
Lot 3, Jalan Ragum 15/17  
40000 Shah Alam, Selangor D.E.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan- dalam-Penerbitan

Katalog pameran manuskrip Melayu antarabangsa: manuskrip Melayu: suatu penghayatan minda Melayu.  
Bibliografi: ms.  
Mengandungi indeks  
ISBN 967-931-048-5  
1. Manuscripts, Malay-Bibliography. 2. Manuscripts, Malay-Catalogues. I. Perpustakaan Negara Malaysia.  
II. Judul: Manuskrip Melayu: suatu penghayatan minda Melayu  
011.31

---

# KANDUNGAN

---

- P**rakata ... *v*
- T**radisi Manuskrip Melayu ... *1*
- B**iografi ringkas pengarang Melayu terkemuka ... *7*
- M**anuskrif Tertua ... *33*
- M**anuskrif Beriluminasi ... *38*
- K**arya Pengarang Terkemuka ... *45*
- Hamzah Fansuri ... *45*
  - Abdul Rauf Singkel ... *49*
  - Sheikh Nuruddin al-Raniri ... *52*
  - Shamsuddin al-Sumatrani ... *55*
  - Abdul Samad Jawi al-Palembani ... *57*
  - Tun Seri Lanang ... *59*
  - Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari ... *60*
  - Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani ... *62*
  - Sheikh Abdul Malik Terengganu ... *65*
  - Abdullah bin Abdul Kadir Munshi ... *67*
  - Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad ... *69*
  - Sheikh Ahmad al-Fatani ... *71*
  - Raja Aishah bt. Raja Sulaiman ... *73*
- P**enyalin Manuskrip ... *75*
- Mohd Ching Sa'idullah ... *75*
  - Mahmud bin Muhammad Yusuf Fatani ... *76*
  - Haji Muhammad Hussein bin Abdul Latif Fatani ... *78*

<b>P</b> etua ...	80
<b>P</b> erubatan Melayu ...	85
<b>I</b> lmu Ramalan Melayu ...	88
<b>P</b> uisi ...	92
Syair ...	92
Nazam ...	98
Qit'ah ...	100
<b>U</b> ndang-undang ...	101
<b>A</b> dat dan Adab ...	106
<b>C</b> erita Jenaka ...	111
<b>C</b> erita Berbingkai ...	113
<b>S</b> ejarah ...	116
<b>S</b> alasilah ...	125
<b>S</b> astera Islam ...	131
<b>E</b> pik ...	137
<b>P</b> englipur Lara ...	141
<b>B</b> iografi ...	145
<b>B</b> ahasa ...	147
<b>B</b> ibliografi ...	149
<b>I</b> ndeks judul ...	153
<b>I</b> ndeks institusi ...	156

.....

## PRAKATA

.....

**K**atalog Manuskrip Melayu ini disediakan sempena Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa yang bertemakan '*Manuskrip Melayu : Suatu Penghayatan Minda Melayu*' yang berlangsung di Perpustakaan Negara Malaysia dari 2 hingga 31 Oktober 1995. Pameran ini merupakan satu peristiwa bersejarah bagi rantau Alam Melayu kerana beberapa manuskrip asal dibawa pulang dari luar negeri untuk dipamerkan kepada umum.

Katalog ini memuatkan deskripsi manuskrip terpilih yang berjumlah 115 naskhah dipamerkan sebagai satu dokumentasi. Ia ini disediakan bukan sahaja sebagai panduan kepada manuskrip yang dipamerkan tetapi juga untuk para penyelidik dan peminat manuskrip lama mengenali manuskrip yang terpilih dari berbagai aspek mewakili bidang masing-masing. Adalah diharap dengan adanya katalog ini dapat membantu orang ramai menghayati dan meminati warisan budaya Melayu yang penuh dengan ilmu dan seni.

Katalog ini disediakan dengan kerjasama berbagai pihak terutama institusi tempatan iaitu Pusat Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Muzium Negeri Terengganu yang memberi kemudahan bagi penyusun melihat manuskrip untuk dibutirkan. Perpustakaan Negara Malaysia mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada semua institusi dan individu yang telah membantu dalam penyediaan dan penerbitan katalog ini.

*Jawatankuasa Pendokumentasian  
Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu  
1995*

.....

# TRADISI MANUSKRIP MELAYU

.....

## **Pengenalan**

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa tertua di rantau ini. Bukti epigrafi menunjukkan bahawa seawal-awal kurun ketujuh telah wujud apa yang disebutkan sebagai bahasa Melayu tua yang telah digunakan oleh orang Melayu Sumatera Selatan tertulis dalam skrip Pallava muda. Beberapa inskripsi batu bertarikh 682 M., 684 M. dan 686 M. yang terjumpa di Kedukan Bukit adalah bukti kepada perkara tersebut.

Setelah begitu lama hidup di bawah pengaruh kebudayaan Hindu maka boleh dikatakan kepandaian orang Melayu menulis dipelajari dari literati Hindu dan Brahmin. Mereka merupakan orang yang berpengaruh dalam arena budaya dan politik di istana raja-raja Melayu. Merekalah orang yang bertanggungjawab menyusun dan mengarang pemahsyuran di raja dan menulisnya di batu. Di bawah pengawasan dan ajaran mereka, orang Melayu mempelajari cara menulis tetapi kemahiran dan kepandaian ini hanya merupakan hak beberapa orang tertentu di istana sahaja.

## **Peralatan Tulisan Awal**

Pada awalnya, permukaan batu dan pahat merupakan peralatan tulisan. Batu-bata dan lumpur kering, serta galian seperti besi dan tembaga turut digunakan. Orang India juga menggunakan daun palmira untuk menulis manuskrip mereka. Pengaruh ini terbawa ke alam Melayu. Daun lontar yang terdapat seakan sama daun tala di India. Maka daun lontar digunakan sebagai permukaan untuk tulisan. Tetapi malangnya bahan tulisan berasaskan daun ini tidak tahan lama. Manuskrip daun lontar dari zaman awal ini reput dan musnah dimamah zaman dan iklim tropika. Walaupun tidak ada bukti dari zaman awal, tetapi budaya menulis di atas daun lontar wujud di kalangan beberapa suku kaum

di Asia Tenggara seperti orang Thai, Burma, Bali dan Jawa. Dengan itu mustahil orang Melayu tidak ada budaya menulis di atas daun lontar. Bahan lain turut digunakan termasuk buluh, kulit kayu, dan kulit binatang.

Orang Melayu mengetahui akan kertas dari pedagang dan pelayar China semenjak kurun ketujuh lagi. I-Tsing pernah tinggal di Sumatera selama empat tahun menyalin kitab agama Buddha sehingga kehabisan kertas dan dakwat. Tetapi kertas sebagai permukaan menulis ketika itu merupakan bahan yang sukar diperoleh. Malah orang Melayu lebih mengenali kertas sebagai duit.

Pada zaman awal, bahan seperti buluh, kulit binatang, kulit kayu, deluang dan lontar (di Semenanjung lebih dikenali sebagai kajang . Sehingga sekarang kita masih menggunakan kata kertas kajang), merupakan bahan yang lebih popular digunakan. Penggunaan kertas dan dakwat hanya menjadi popular sebagai bahan tulisan apabila datangnya pengaruh Islam ke alam Melayu. Kertas diimport dari negeri Arab, China, India dan Eropah. Dakwat diimport dari China, Arab, dan Eropah atau dibuat secara tempatan dengan menggunakan jelaga damar, dicampur dengan madu dan getah pokok gajus umpamanya. Kalam yang sering digunakan dibuat dari batang resam, duri kabong (enau) dan buluh.

Bahan tulisan awal ini malangnya tidak tahan melawan bahana iklim tropika dan musnah. Kemusnahan manuskrip awal ini juga disebabkan peperangan yang sering berlaku di mana yang menang akan membakar istana dan kota yang kalah. Pada zaman dahulu istana merupakan pusat kegiatan penulisan. Dengan terbakarnya istana maka terbakarlah himpunan naskhah yang tersimpan.

### **Tradisi Penulisan**

Tradisi manuskrip Melayu seperti yang kita ketahui sekarang iaitu naskhah Melayu bertulis tangan dengan menggunakan skrip jawi dapat dilihat dari warkah awal bertarikh 1521 yang masih wujud ke hari ini. Surat ini datangnya dari Sultan Abu Hayat dari Ternate, kepulauan Indonesia kepada King John III, Raja Portugal. Namun bukti awal tulisan jawi yang lebih tua ialah inskripsi Terengganu bertarikh pada tahun 1303 . *‘Aqa’id* karya al-Nasafi bertarikh 1590 merupakan naskhah kitab tertua yang dijumpai selepas itu.



Walaupun naskhah-naskhah awal bertarikh sekitar kurun enam belas, namun kemantapan bahasa Melayu dan tulisan jawi yang terpapar dan tersebar di alam Melayu menunjukkan tradisi penulisan Melayu adalah lebih awal dari kurun enam belas. Kesusasteraan Melayu jawi telah berkembang seawal-awalnya sekitar pertengahan kurun tiga belas. *Hikayat Raja Pasai* karya sejarah tertua dikatakan digubah pada pertengahan kurun empat belas. Adalah amat wajar tradisi penulisan ini berkembang sejajar dengan penyebaran agama Islam. Dengan hal yang demikian penyebar Islam menyesuaikan huruf Arab/Parsi kepada keperluan penutur bahasa Melayu. Kitab-kitab agama dan sastera Islam ditulis bagi tujuan mengajar dan menyebarkan agama Islam dan mengambil alih kedudukan dan fungsi kitab dan sastera Hindu. Jika tidakpun sastera itu diislamkan. Lama kelamaan aksara Palava/kawi hilang dari kehidupan Melayu.

Manuskrip ditulis dan disalin untuk dibaca sebagai alat hiburan di kalangan penghuni istana dan bangsawan dan rakyat jelata. Bagi rakyat jelata akan ada tukang bacanya yang akan membacakan dengan nada yang bersesuaian tinggi rendah seolah-olah melakonkan cerita. Selain sebagai alat hiburan manuskrip juga dihasilkan sebagai bahan rujukan para istana dan bangsawan literati dan ulama.

Manuskrip Melayu memperkatakan pelbagai perkara. Tajuk-tajuk yang digunakan seolah-olah mengklasifikasikan manuskrip Melayu itu sendiri. Kata-kata seperti 'hikayat', 'adat', 'hukum', 'undang-undang', 'kanun', 'salasilah', 'syair', 'kitab' dan seumpamanya yang terdapat pada judul-judul telah menyatakan perkara yang diperkatakan dalam karya tersebut. Sememangnya julad perkara yang diliputi oleh manuskrip-manuskrip yang masih extant adalah luas mencakupi pelbagai aspek kehidupan dan tamadun Melayu. Bentuk prosa dan puisi menjadi wahana bagi pengarang menyampaikan ilmu, pengetahuan, dan falsafah di samping prosa digunakan untuk penceritaan hikayat dan pemerian subjek yang lebih berat seperti undang-undang, sejarah dan berbagai lagi, bentuk syair amat digemari oleh orang Melayu bagi penyampaian perkara sebagai pendekatan popular. Hamzah Fansuri dikatakan orang yang memperkenalkan genre ini ke alam Melayu sekitar kurun ke tujuh belas. Bahasanya yang menarik, susunan ayatnya yang indah, nada dan iramanya yang memikat hati menyebabkan bentuk ini lebih popular dari jenis puisi lain untuk ditulis. Syair Hamzah Fansuri yang berbau tasawuf amat mendalam maknanya. Ada juga yang memperkatakan mengenai sejarah, seperti *Syair Perang Mengkasar* atau mengenai cerita seperti *Syair Siti Zubaidah* malah syair juga banyak digunakan untuk menyampaikan mesej agama dan nasihat.

Siapa yang menghasilkan karya ini? Kelazimannya sukar sekali pengarang Melayu meletakkan namanya pada karyanya. Hasil pengarang dianggap sebagai hak bersama masyarakat. Budaya Melayu zaman silam tidak menggalakkan individualisma. Bahkan nama yang kadangkala terdapat pada karya adalah tambahan atau sisipan oleh penyalin yang kemudian. Umpamanya nama Tun Seri Lanang disisip kemudian. Penyalin Melayu bukan berperanan sebagai jurutulis semata-mata tetapi juga sebagai penyusun, penyunting malah dianggap pengarang bersama terutama bagi karya sejarah dan silsilah di mana penyalin zaman kemudian akan menyalin dan seterusnya mengemaskini maklumat sehingga ke zaman penyalin. Tetapi bagi kitab agama selalunya penyalin tidak akan mengubah karya asal. Beberapa nama pengarang yang diketahui ialah Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Tun Seri Lanang, Enche' Amin, Abdullah Munshi, Raja Ali Haji, Raja Chulan, dan Raja Aishah Raja Sulaiman adalah beberapa nama yang kita ketahui. Tetapi siapa pengarang *Taj al-salatin*, atau *Hikayat Hang Tuah* misalannya tidak akan kita ketahui. Namun sumbangan pengarang-pengarang tidak bernama ini amat besar kepada tamadun Melayu serta tidak ternilai dan perlu dihargai generasi kini dan akan datang.

Manuskrip yang diwarisi merupakan khazanah ilmu yang penting yang perlu dikaji bagi mencungkil permata yang terpendam. Manuskrip-manuskrip ini adalah manifestasi keagungan minda dan peradaban Melayu.



*Biografi Ringkas Pengarang  
Melayu Terkemuka*



## **H**AMZAH FANSURI

Hamzah Fansuri dilahirkan di Barus atau Fansur dalam bahasa Arab dari bahasa Melayu, Panchor pada akhir abad ke 16.

### PENDIDIKAN

Karya-karya beliau banyak dipengaruhi Ibn Arabi dan ahli tasawuf lain seperti al-Junaid, Mansor Hallaj dan juga Jalaluddin Rumi serta Shamsu Tabriz.

### KARYA

Karangan-karangan prosa Hamzah Fansuri yang masih tinggal dan terpenting ialah *Asrar al-arifin* (*Rahsia orang yang bijaksana*) dan *Syarab al-asyikin* (*Minuman segala orang yang berahi*) atau *Zinat al-muwahidin* (*Perhiasan sekalian orang yang berahi*) atau syair-syairnya: *Syair si burung pingai*, *Syair si burung punggung*, *Syair sidang fakir*, *Syair dagang* dan *Syair perahu*. Dari karya-karya prosanya yang masih wujud seperti *Asrar al-arifin*, *Syarah al-asyikin* dan *al-Muntahi*, kita mendapat kesan bahawa Hamzah Fansuri telah menganut fahaman tasawuf yang terkenal dengan nama Wujudiyah iaitu satu aliran yang menganggap alam semesta ini adalah sebahagian daripada tuhan dan alam ini adalah manifestasi dari wujudnya tuhan yang mutlak. Sebuah lagi karya beliau yang ditemui ialah *Insan Kamil* tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.

## PENGARUH

Hamzah Fansuri adalah penyair Melayu yang pertama menggubah syair-syair bersifat agama ajaran tasawuf. Beliau dikatakan orang yang pertama mencipta syair Melayu seperti bentuk yang diketahui sekarang. Hamzah dan Shamsuddin Pasai merupakan pengembang Tarekat Wujudiyah berasaskan ajaran tasawuf dan falsafah Hamzah ditentang hebat oleh Sheikh Nuruddin yang mengatakan fahaman itu sesat. Atas pengaruh Nuruddin banyak karya Hamzah diperintahkan dibakar. Namun karangan-karangan Hamzah hingga sekarang masih terdapat di Aceh. Banyak pembesar Aceh yang secara diam-diam menyimpan naskhah-naskhah yang menjadi makanan rohani mereka. Di Semenanjung Tanah Melayu karangan-karangan Hamzah disalin dari satu generasi ke generasi lain. Di Jawa ia diterjemahkan ke dalam bahasa Jawa dan Sunda. Syair-syairnya yang mempunyai pengaruh pantun menampakkan bahawa Hamzah menguasai puisi Parsi bersifat tasawuf dan yang memupuk berahi akan Allah. Meskipun beliau dibunuh dan dihukum dengan cara yang amat mengerikan, namun pengikut-pengikutnya tetap tumbuh satu demi satu. Anak muridnya yang terkenal ialah Shamsuddin al-Sumatrani.

## **A**BDUL RAUF SINGKEL

Abdul Rauf ibn Ali al-Fansuri juga dikenali sebagai Tengku Sheikh di Kuala merupakan seorang penulis yang mengajar di Aceh pada tahun 1661 dan dihormati sebagai seorang yang alim. Beliau dilahirkan di Singkel, suatu tempat di barat Aceh. Tempoh hidupnya adalah disekitar tahun 1615-1693?

### **PENDIDIKAN**

Abdul Rauf mendapat pendidikan tidak kurang dari 19 tahun di luar negeri seperti di Mekah, Madinah, Jeddah, Mokha, Zabid, Betalfakih dan di merata-rata tempat lagi. Pengajian teologi Islam diperolehi di Aceh dan Palembang. Tidak kurang dari 15 orang yang pernah menjadi gurunya seperti Abdul Kadir Maurir di Mokha, Ahmad al-Qushashi di Madinah dan Burhan al-Din Maula Ibrahim ibn Hassan al-Kurani.

### **KARYA**

Sebahagian besar daripada karya-karyanya tidak kedapatan kini. Leiden dan Batavia menyimpan manuskrip beliau berjudul *Mir'at at-tullab fi tashil ma'rifat al-ahkam a'sh shar'iyah li malik a'l-wahhab* disusun atas permintaan Taj u'l-'alam Safiat-u'd-din, Permaisuri Aceh dari 1641 hingga 1675. Beliau juga menterjemah ke dalam bahasa Melayu akan komentar Baidawi terhadap al-Quran diterbitkan tahun 1884. Karangan-karangannya yang lain ialah *Umdat al-muhtajin* yang menceritakan satu bentuk ilmu sufi mengenai zikir. Diakhir karangan ini terkandung salasilah yang dapat memberi gambaran di mana dan cara bagaimana pengarang-pengarang besar mendapat pengetahuan. Dalam kitab ini dikatakan beliau berada di luar negeri selama 19 tahun dan dengan itu bahasa Melayunya kurang baik. Kitab-kitabnya yang lain ialah *Kifayat al-muhtajin* yang

membicarakan ilmu tasawuf termasuk memberi ulasan tentang *A'yan thabitah*, *Kitab mau'izat al-badi*, *Idhahul bayaani fi tahqiqi masaail a'yaani*, *Ta'biirul bayaani* dan lain-lain. Rujuk kepada terbitan *Tokoh-tokoh sastera Melayu klasik* (1987).

#### PENGARUH

Walaupun karangannya tidak dibaca lagi tetapi sumbangan dan namanya masih diingati masyarakat. Tarekat Syatariyah yang dikembangkannya masih ada dan namanya diabadikan pada nama sebuah universiti, Universitas Sheikh Kuala.

## **S**HEIKH NURUDDIN AL-RANIRI

Nama penuhnya ialah Al Alim al Allamah al Fahamah Sheikh Nuruddin bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid al-Raniri al-Quraishi al Shafi i. Berasal dari negeri Ranir. Riwayat lain menyebut berasal dari negeri Kabkari. Kedua tempat itu terletak di India.

### **PENDIDIKAN**

Kemungkinan Nuruddin al-Raniri mendapat pendidikan asasnya di negerinya sendiri di Ranir ataupun di Kabkari. Pada tahun 1030 H./1620 M. beliau pergi ke Mekah lalu belajar kepada Sheikh Abu Hafas Umar bin Abdullah Ba Shaiban.

### **KARYA**

Walaupun beliau berasal dari India ternyata karya-karyanya banyak ditulis dalam bahasa Melayu. Karya-karyanya ditulis di Pahang, Aceh dan di negeri India. Kitab fikah judul *Sirat al-mustaqim* adalah merupakan kitab fikah yang pertama sekali dalam bahasa Melayu. Cetakan pertama sekali ditasyih oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dicetak di Turki. Kemudian dicetak di bahagian tepi *Sabil al-muhtadin* dan masih beredar hingga kini. Karyanya yang lain yang masih beredar dipasaran ialah *Bad-u samawati wal ardi* dicetak di bahagian tepi *Taj al-mulk* dan *al-Fawaid bahiyah* dicetak di bahagian tepi kitab *Jam'u al-fawaid*. Nuruddin menentang keras ajaran tasawuf Wujudiah yang dibawa Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani yang dianggap menyesatkan. Lalu dikarang beberapa karya mengenai tasawuf sebagai alternatif. Karya-karya yang terpenting berjudul *Asrar al-insan fi ma'rifat al-ruh al-rahman*, *Hujjah al-siddiq li dafi al-zindiq* dan *Tibyan fi mi'rifah al-adyan*. Sheikh Nuruddin juga menghasilkan sebuah karya penting



*Bustan al-salatin* dalam tujuh jilid. Selain daripada itu terdapat pula beberapa buah karyanya yang nadir iaitu *Hill al-Zill, Ma' al-hayatiyi li ahli al-mamat*. Tidak kurang dari 30 karya beliau dalam bahasa Melayu telah dihasilkan. Karya-karya yang lain terkandung di dalam buku *Tokoh-Tokoh Melayu Klasik* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### PENGARUH

Sheikh Nuruddin al-Raniri adalah seorang ulama yang paling besar pengaruhnya di Asia Tenggara sesudah Sheikh Hamzah al-Fansuri dan Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani. Kariernya ketika masih di Pahang belum begitu menonjol tetapi kemasyhurannya mulai memuncak setelah beliau pindah ke Aceh pada tahun 1637. Sampai sekarang namanya terkenal di kalangan akademik bidang falsafah di seluruh dunia.

#### MENINGGAL DUNIA

Meninggal dunia pada 22 Zulhijjah 1069 H. = 21 September 1658 M.

## **S**HAMSUDDIN AL-SUMATRANI

Nama penuhnya ialah Sheikh Shamsuddin ibn Abdullah al-Sumatrani atau lebih dikenali sebagai Shamsuddin Pasai dan berasal dari Aceh.

### **PENDIDIKAN**

Anak murid Pangeran Bonang (guru dari Jawa) ini, kemungkinan besarnya telah menuntut ilmu daripada Muhammad bin Fadl Allah dari Burhanpuri Gujerat (meninggal tahun 1620) yang telah menulis suatu karangan untuk membuktikan bahawa tasawuf dalam agama Islam sesuai dengan ajaran al-Quran dan sunnah. Shamsuddin juga berkemungkinan dipengaruhi oleh idea-idea dari Gujerat di dalam doktrin kehidupannya.

### **KARYA**

Sebahagian besar kitab yang ditulis oleh Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani menjurus kepada bidang tasawuf. Di antara kitab yang ditulisnya di dalam bahasa Arab ialah *Jawahir al-haqaiq*, *Tanbihuth-thullab fi ma'rifati malikul-wahab*, *Risalat al-baiyin mulahazat al-muwahmidina 'alal-muhtadi fi zikirillah*, *Kitabul Harakah*, *Nurul daqaiq* dll. Kitab-kitab berbahasa Melayu diantaranya ialah *Mir'at al- iman*, *Mir'at al-mu'minin*, *Syarah Mir'at al-qulub*, *Mir'at al-haqiqah*, *Mir'at al-muhaqqiqin* dll. Kebanyakan karya beliau telah dibakar dan yang terselamat hanyalah *Mir'at al-mu'minin* (1601) serta sebahagian daripada karyanya *Mir'at al-muhaqqiqin* masih tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden. Tetapi kini telah terjumpa karya-karya beliau seperti *Anwar al-daqaiq fi kashf asrar al-raqaiq* yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.

## PENGARUH

Ketika Sultan Iskandar Muda berusia 13 tahun, Sheikh Shamsuddin telah pun mengambil tempat yang terpenting di istana Aceh iaitu sebagai penasihat agung diraja. Kedudukannya lebih daripada pembesar-pembesar kerajaan yang lain kerana pengetahuannya yang tinggi. Beliau adalah seorang sheikh yang alim pada segala ilmu dan termasyhur dalam ilmu tasawuf dan beberapa kitab telah ditaklifikannya. Hamzah Fansuri serta anak muridnya Shamsuddin adalah penyebar ajaran Tarekat Wujudiyah serta beliau lebih masyhur daripada Hamzah kerana kedudukannya yang baik di dalam kerajaan Aceh. Shamsuddin ialah seorang filsuf, ahli fikir yang kerana keperluan untuk mendalami alam ini akhirnya mencakup taraf keesaan. Sifatnya sebagai seorang guru terhadap murid-muridnya lebih menganggap ianya sebagai satu kewajipannya untuk mengajar ilmu yang ada padanya. Beliau adalah tokoh pujangga besar Islam di tanahair Indonesia.

## MENINGGAL DUNIA

Sheikh Shamsuddin Abdullah al-Sumatrani telah meninggal dunia pada malam Isnin, 12 Rejab 1039 H. (25 Februari 1630 M.) ketika kekalahan angkatan Aceh menyerang Melaka. Di dalam kejadian itu ramai orang Islam yang telah mati syahid termasuklah Sheikh Shamsuddin sendiri.

## **A**BDUL SAMAD JAWI AL-PALEMBANI

### PENDIDIKAN DAN KARYA

Pendita dari Palembang, Sumatera ini, adalah anak murid kepada Sheikh Muhammad ibn 'Abdil Karim as-Sammani al-Madani. Beliau cuba mengatasi ajaran Wujudiah dengan membimbing mereka yang berminat dalam fahaman tasawuf ke arah yang benar menurut aliran al-Sunnah wal-Jamaah. Dalam tahun 1764, beliau telah menulis darihal tauhid di dalam bahasa Melayu di Mekah di atas permintaan seorang kenalan ketika menghadiri syarahan Ahmad ibn 'Abdul-Mun'im al-Damhuri berjudul *Zuhrat al-murid fi bayan kalimat a't-tauhid*. Pada tahun 1778 beliau telah menterjemahkan *Bidayat al-hidayah* karya al-Ghazali dengan judul *Hidayat a's-salikin fi suluk maslak al-muttakin* yang telah dilitografikan di Singapura dalam tahun 1873. Perkara yang disentuhnya ialah kepercayaan ortodoks, dosa dan pahala, sifat baik, zikir, cintakan tuhan dan sesama manusia serta tanggungjawab terhadap agama.

Setelah selesai karya tersebut di Taif, sekitar 1779 hingga 1789, beliau menyadur pula karya al Ghazali *Ihya 'ulumu'd-din* beserta beberapa komentarnya dan diberi judul *Siyar a's-salikin ila-'ibadah rabb al-'abidin* yang berkisar tentang kewajipan manusia terhadap tuhan, kehidupan dan tanggungjawab umat Islam yang baik dan buruk. Tulisan-tulisannya yang lain yang menyentuh ilmu tasawuf ialah *al-Urwah al-wusqa*.